

FILEM *Hero: Jangan Bikin Panas* diterbitkan selepas banyak insiden yang membabitkan anggota bomba berlaku sejak kebelakangan ini.



SELAIN Hisyam (kiri), Bell (tengah) dan Shafiq Farhain (kanan), Datuk Jalaludin Hassan serta Shaharudin Thamy juga antara pelakon yang terlibat dalam naskhah ini.

Produksi

Olahan
NOR FATIHAH ISMAIL

Foto
IHASAN EMPIRE FILM
SOLUTION SDN. BHD.

Kisah bomba dalam *Hero: Jangan Bikin Panas*

PERNAH disiarkan di stesen televisyen sebelum ini, ternyata karya *Hero* berjaya mendapat sambutan dan mempunyai pengikutnya yang tersendiri.

Maka disebabkan itu, penerbit NS Star Sdn. Bhd., Darling Ngasri telah mengambil langkah untuk mengangkat jenama *Hero* itu ke layar perak pula dengan menerbitkan sebuah filem berjudul *Hero: Jangan Bikin Panas*.

Naskhah yang merupakan idea segar daripada penulis skrip, Akbar Hashim dan Azizi Adnan tersebut mengangkat mesej pengajaran dan pengorbanan anggota bomba.

Menariknya, filem itu juga memaparkan aksi-aksi tangkas para anggota bomba dalam melaksanakan tugas dan pada masa sama ia turut diselitkan dengan elemen komedi untuk menghidupkan lagi plot penceritaan bagi menjadikan *Hero: Jangan Bikin Panas* sebagai sebuah karya lengkap yang mampu menghiburkan penonton.

Pengarahnya, Azizi Adnan pula memberitahu, dia teruja untuk mengarahkan filem bertemakan bomba kerana melihat terlalu banyak kes-kes



FILEM *Hero: Jangan Bikin Panas* mengangkat kisah anggota bomba.

yang dihadapi oleh anggota unit beruniform itu.

"Sudah banyak berlaku insiden yang membabitkan anggota bomba. Jadi, ia telah memberikan saya idea untuk melahirkan sebuah cerita tentang anggota bomba.

"Bagi saya, sudah sampai masanya saya membuat filem yang bukan bersandarkan hiburan dan duit semata-mata, sebaliknya menghasilkan sebuah cerita yang sarat pengajaran dan

dakwah," ujarnya.

Jelas Azizi, dia mengakui turut berdepan dengan cabaran tatkala melunaskan filem *Hero: Jangan Bikin Panas* itu.

"Ini merupakan filem ketiga arahan saya dan pastinya ia memberi cabaran yang tersendiri dari segi bajet, set penggambaran, jalan penceritaan serta penelitian yang lebih mendalam.

"Sebagai contohnya, apabila membabitkan babak aksi dan babak kebakaran yang memerlukan kami mengikut masa yang telah ditetapkan supaya tidak berlaku sebarang kejadian tidak diingini," ujarnya.

Sementara itu, salah seorang pelakon utamanya iaitu Hisyam Hamid pula menyatakan wataknya dalam filem tersebut adalah seorang yang lurus serta kalut tetapi mahir dalam seni mempertahankan diri.

"Sebelum ini, saya pernah bekerja selama lapan tahun sebagai anggota bomba di Singapura sebelum saya menjadi pelakon sepenuh masa.

"Selain itu, saya juga belum pernah melakonkan watak komedi. Jadi, itu antara sebab saya tertarik untuk menerima tawaran filem ini," ujarnya.

Plot *Hero: Jangan Bikin Panas* bermula dengan kejadian kebakaran ngeri di sebuah sekolah maahad tahfiz, yang mana insiden

itu telah membuka mata dan menguatkan lagi impian Zafrul (Hisyam) untuk menjadi anggota bomba.

Setelah menjadi anggota bomba, Zafrul, bersama dengan dua orang rakan bomba yang baru dikenalnya, Amad Mustar (Bell Ngasri) dan Adam Fanifinali (Mark Adam), berjaya merungkakan sindiket pembakaran dan urusniaga pembelian tanah secara haram yang didalangi rangkaian kongsi gelap antarabangsa.

Saksikan *Hero: Jangan Bikin Panas* yang bakal ditayangkan di pawagam seluruh negara bermula 3 Oktober depan.



ELISYA Sandha turut menyirikan filem *Hero: Jangan Bikin Panas*.

semata-mata, sebaliknya menghasilkan sebuah cerita yang sarat pengajaran dan



FILEM arahan Azizi Adnan ini turut diselitkan dengan unsur dakwah dan komedi.